

SELENGGARA ALAM SEKITAR SECARA PROFESIONAL.—LAJIM

DAILY EXPRESS— 27.10.1999.



RASMI... TKM Datuk Lajim Hj. Ukin bersama Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Abu Hassan Othman merasmikan simposium itu.

Selenggara alam sekitar secara profesional – Lajim

KOTA KINABALU: Negeri Sabah menggunakan pendekatan yang sangat profesional dan efisien dalam penyelenggaraan, pengekalan dan pemuliharaan alam sekitar di negara ini, kata Timbalan Ketua Menteri, Datuk Hj Lajim Hj Ukin.

Katanya, di bawah Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah misalnya kerajaan mewujudkan beberapa taman yang juga turut menyumbang kepada usaha penjagaan warisan khazanah germplasma di negeri ini.

“Penyelidikan dan kajian-kajian tertentu juga dilakukan untuk maksud ini sama ada secara “Smart

Partnership” dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara misalnya dengan UKM, UNIMAS dan UMS sendiri,” katanya ketika berucap di majlis simposium *Genetic Resources of Borneo* di salah sebuah hotel terkemuka di sini, pada pagi Selasa.

Lajim yang juga Menteri Pembangunan Pertanian dan Industri Pemakanan turut menegaskan bahawa kerajaan juga mempunyai kaki-tangan yang rasmi bagi menumpukan usaha memantau, menyelenggara dan menjaga sumber biologiikal semulajadi di negeri ini.

“Malah tidak keterlaluan dikatakan bahawa kerajaan

dan rakyat negeri ini amat prihatin kepada penjagaan khazanah alam sekitar berbanding dengan beberapa negara membangun yang lain di rantau ini,” katanya.

Bagaimana pun menu-rutnya, proses penjagaan alam sekitar itu sendiri memanglah menghadapi pelbagai cabaran kerana terdapat segelintir masyarakat tempatan dan pendatang asing yang tidak bertanggungjawab yang membuat pelbagai aktiviti haram mengancam kestabilan ekosistem alam sekitar.

Katanya, sikap masyarakat yang kurang prihatin seperti ini hanya menimbulkan masalah kepada usaha kerajaan untuk memulih alam seki-

tar, ia tidak memberi manfaat kepada rakyat, tetapi hanya memberi keuntungan segera kepada segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab.

“Kegiatan haram seperti itu perlu dibanteras hingga ke akar umbi, malah kerajaan akan sentiasa memantau dan menguatkuasakan undang-undang berdasarkan kuatkuasa undang-undang yang telah sedia ada,” katanya.

Sementara itu ketika menyentuh mengenai isu pembangunan pesisir pantai Teluk Likas, Lajim berkata, kerajaan tetap meneruskan pembangunan yang telah dirancang sebelumnya secara berperingkat-peringkat dan berdasarkan keu-

tamaan.

Katanya, keputusan itu dibuat setelah kerajaan mendapati ia tidak menimbulkan masalah alam sekitar, malah ia juga tidak mengganggu dan menjejaskan kawasan pantai yang digunakan untuk perlumbaan perahu naga yang dianjurkan di kawasan itu pada setiap tahun.

Terdahulu, Lajim mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur kerana berjaya menganjurkan simposium yang sangat bermakna itu.

Turut hadir di majlis itu, Naib canselor UMS, Datuk Dr Abu Hassan Osman dan Presiden Persatuan Genetik Malaysia, Prof Dr Zaki Abd Hamid.